

20 Mac 2023

SIARAN MEDIA
Untuk Hebahan Segera



**ISLAMIC RELIEF MALAYSIA JALIN KERJASAMA BERSAMA CIMB ISLAMIC
MENERUSI PROGRAM HARAPAN RAMADAN 2023**

Cheras, 20 Mac 2023 – Islamic Relief Malaysia (“IR Malaysia”) telah menjalinkan kerjasama dengan CIMB Islamic Bank Berhad (“CIMB Islamic”) menerusi program Harapan Ramadan 2023 sempena bulan Ramadan. Kedua-dua pihak berganding bahu dalam menjayakan usaha ini demi membantu keluarga yang terdiri daripada golongan asnaf fakir miskin untuk bersiap sedia pada bulan yang mulia itu.

Tahun ini, CIMB Islamic telah menyumbangkan dana sebanyak RM1 juta kepada IR Malaysia sempena Bulan Ramadan untuk diagihkan kepada seramai 4,000 keluarga atau bersamaan dengan kira-kira 20,000 penerima manfaat di seluruh Malaysia melalui bantuan kotak makanan atau baucar tunai.

Setiap kotak makanan yang diedarkan mengandungi makanan asas seperti beras, tepung, minyak masak, bihun, sos, biskut, sardin, kicap, garam, gula, teh, kopi, malt coklat, kurma, santan kotak, kari ayam atau ikan dalam tin, dan pelitup muka.

Majlis pelancaran Harapan Ramadan 2023 tersebut disempurnakan oleh Ahmad Shahrman Mohd Sharif, Ketua Pegawai Eksekutif CIMB Islamic, diiringi Mohd Shukor Tahir, Ketua Pegawai Eksekutif, IR Malaysia bersama Yayasan Belia Malaysia (“YBM”) yang diwakili oleh Dato’ Mustapa Haji Othman, Ketua Pegawai Eksekutif, YBM merangkap rakan pelaksana program yang kedua. Majlis penyerahan itu berlangsung di Masjid Al-Ikhwaniah, Cheras, Selangor pada hari ini yang menyaksikan sumbangan diberi kepada 120 buah keluarga sebagai titik permulaan program tersebut.

Menurut Mohd Shukor, IR Malaysia menyambut baik kerjasama yang terjalin atas dasar kemanusiaan ini bagi membantu golongan rentan dan memastikan mereka mempunyai bekalan makanan yang mencukupi bagi menyambut bulan Ramadan.

“IR Malaysia sangat mengalu-alukan kerjasama strategik daripada pelbagai pihak termasuk badan korporat dalam melaksanakan projek-projek kemanusiaan bagi memastikan capaian bantuan lebih meluas.”

“Kami juga amat berbesar hati kerana terpilih menjadi salah satu rakan pelaksana bagi program Harapan Ramadan 2023 pada tahun ini. Melalui kerjasama ini, penerima manfaat yang dibantu dapat menjalani ibadah puasa dengan sempurna tanpa perlu gusar akan penyediaan juadah berbuka dan bersahur. Ini memandangkan kebanyakan daripada golongan sasar ini adalah mereka yang amat terjejas dari segi pendapatan dan keadaan ekonomi semasa,” katanya.

Pemeriksaan ekonomi dan kesejahteraan komuniti yang memerlukan amat dititikberatkan oleh CIMB Islamic. Bersama-sama dengan rakan strategik yang aktif dalam menjalankan usaha murni ini, semoga bantuan yang diberikan dapat meringankan beban mereka yang memerlukan menjelang bulan Ramadan yang bakal tiba.

- TAMAT -

Mengenai Islamic Relief

Islamic Relief merupakan sebuah organisasi bantuan dan pembangunan kemanusiaan antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1984 dan beribu pejabat di Birmingham, United Kingdom. Islamic Relief berkhidmat di lebih 45 buah negara dan telah membantu lebih daripada 120 juta orang sejak beroperasi. Skop bantuan Islamic Relief merangkumi bantuan kecemasan, pembangunan mampan bersepadu, pengurangan risiko bencana dan advokasi.

Islamic Relief Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 2005, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan Islamic Relief di rantau Asia-Pasifik. Kini, Islamic Relief Malaysia berperanan sebagai pejabat penjana dana dan pelaksana projek tempatan dan antarabangsa.

Maklumat lanjut mengenai Islamic Relief Malaysia boleh diperoleh di www.islamic-relief.org.my

Dikeluarkan oleh: Unit Komunikasi Korporat, Pejabat KPE Islamic Relief Malaysia. Untuk keterangan lanjut, hubungi Zafirah Zahari di talian 019-220 1788 atau e-mel ke Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my